

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 10/01/2019  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : **Angkasa anjur konvensyen pemeraksanaan koperasi**

## **Angkasa anjur konvensyen pemeraksanaan koperasi**

Tarikh kemaskini: 10/01/2019



KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) akan menganjurkan 'Konvensyen Pemeraksanaan Koperasi Berlandaskan Semangat Kerjasama dan Keusahawanan' pada 12 hingga 13 Januari ini, di Hotel Tanera, Bangi, Selangor.

Konvensyen ini bertujuan untuk membincangkan dan menetapkan secara kolektif hala tuju yang akan dicadangkan menerusi satu resolusi yang bakal dikeluarkan kepada kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dalam merangka pengisian Dasar Koperasi Negara selaras dengan hala tuju kerajaan dan perkara berkaitan Revolusi Industri 4.0.

"Konvensyen ini juga mensasarkan kaedah terkini bagi gerakan koperasi agar dapat menjadi pemangkin pembangunan serta rakan strategik pihak bukan koperasi kepada perniagaan kecil dan sederhana yang diusahakan oleh koperasi," kata Angkasa dalam sebuah kenyataan di sini hari ini.

Angkasa berkata kini terdapat begitu banyak koperasi yang menjalankan pelbagai urusan niaga khususnya perniagaan digital yang sesuai dengan era sekarang.

Angkasa juga mengharapkan agar sebarang resolusi yang dijana menerusi konvensyen ini akan berupaya meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Kasar Negara.

"Peningkatan perolehan sektor koperasi akan seterusnya memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara," kata koperasi kebangsaan itu.

Konvensyen ini bakal menghimpunkan para pemimpin yang mewakili lebih seribu buah koperasi dari seluruh negara.

Para peserta lain terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi kerajaan, insituti kewangan dan institusi pengajian tinggi.

Sehingga 30 Jun 2018, Angkasa menaungi kira-kira 14,094 buah koperasi di seluruh negara.

-- BERNAMA